



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

ISU SUSU FORMULA BAYI TIRUAN DI NEGARA CHINA

Kementerian Kesihatan mengambil maklum laporan dalam akhbar tempatan *The Malay Mail* bertajuk “China arrests six over fake infant formula” dan *The Sun* bertajuk “Milk powder scam in China” pada 6 April 2016. Berita yang serupa turut dilaporkan dalam akhbar antarabangsa *Hong Kong Free Press* dan *The China Post*. Laporan ini adalah berkaitan penangkapan enam (6) orang di China kerana terlibat dalam aktiviti pembuatan dan penjualan susu formula bayi tiruan di bawah jenama terkenal seperti “*Similac*”. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa negara China turut memaklumkan bahawa susu formula bayi tiruan terlibat tidak membawa risiko kemudaran.

Semakan melalui Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia (*Food Safety Information System of Malaysia – FoSIM*) di bawah Kementerian Kesihatan mendapati susu jenama “*Similac*” yang terdapat di pasaran tempatan diimport dari negara Singapura, Ireland dan Sepanyol sahaja.

Pihak Kedutaan Kerajaan China di Malaysia telah mengesahkan bahawa isu ini hanya melibatkan pasaran tempatan di China, di mana tiada produk terlibat yang dieksport ke luar negara termasuk negara Malaysia.

Syarikat Abbott iaitu pengilang asli produk “*Similac*” juga telah mengesahkan bahawa isu penipuan formula bayi tersebut hanya melibatkan susu formula bayi yang dikilangkan syarikat Abbott di negara China untuk pasaran di negara berkenaan sahaja.

Di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983, makanan yang telah tercemar atau mengandungi bahan berbahaya yang memudaratkan kesihatan tidak dibenarkan dijual kepada orang ramai.

Kementerian Kesihatan sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkkmhq.

Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
10 April 2016